

BAB 1 Biodiversiti

1.1 Kepelbagaian organisma

Malaysia ialah satu daripada 12 buah negara megabiodiversiti di dunia. Keadaan di Malaysia yang beriklim khatulistiwa menjadikannya habitat yang sangat sesuai bagi pelbagai jenis organisma.



1. Apakah biodiversiti?

Biodiversiti ialah _____ sama ada mikroorganisma, haiwan atau tumbuhan yang ditemukan di Bumi

2. Manakah antara berikut yang menyebabkan kewujudan biodiversiti?

- A. Cuaca dan habitat
- B. Cuaca dan persaingan
- C. Habitat dan penyakit
- D. Penyakit dan persaingan

3. Apakah maksud spesies endemik?

- A. Spesies yang hidup bersendirian di kawasan yang terbatas
- B. Spesies yang hidup berkelompok di kawasan yang terbatas
- C. Spesies yang hidup bersendirian di kawasan yang terbuka
- D. Spesies yang hidup berkelompok di kawasan yang terbuka

4 . Padankan kepentingan biodiversiti

Sumber makanan	Untuk pelancongan dan tujuan penyelidikan
Perubatan	Hasil hutan seperti kayu balak, buluh dan rotan
Tempat rekreasi	Kitar nutrien dan interaksi antara organisma
Pendidikan/ Ekopelancongan	Haiwan dan tumbuhan merupakan sumber makanan kepada manusia
Bahan mentah industri	Tumbuhan herba digunakan sebagai sumber perubatan dan kosmetik
Keseimbangan alam	Kawasan yang kaya dengan biodiversiti untuk istirehat